

# Menyelami budaya ilmu di Jerman

**M**ungkin tidak ramai di negara kita yang pernah mendengar nama bandar Duisburg. Inilah sebuah bandar bersejarah dari segi kebudayaan dan industri di Jerman. Bandar Duisburg bermula sebagai sebuah penempatan dermaga dalam kerana berada di tebing Sungai Rhine, dalam wilayah North Rhine-Westphalia.

Bandaraya berdekatan ialah Dusseldorf. Untuk ke Duisburg boleh menaiki kapal terbang dari Dusseldorf. Duisburg adalah bandar pengeluar keluli tersohor, logam panas dan besi mentah terbesar di Jerman. Semua relau besar kawasan Ruhr terletak di sana. Namun, bandar keluli ini sangat akrab dengan Bangi kerana universiti terbesar di Duisburg dan ke-10 di Jerman adalah rakan akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Inisiatif UKM dan University of Duisburg-Essen (UDE) dalam usahasama bermula pada 2000 disusuli program dwijazah dan pertukaran pelbagai aspek pada 2002. Seterusnya pihak UDE membuka Pejabat Urusan di UKM dan UKM pula membuka Pejabat Antarabangnya pada 2010 di UDE. Pejabat ini kini dikendalikan Dr Mohd Fais Mansor dengan bantuan dua staf yang juga pelajar pascasiswazah di UDE. Dr Fais alumnus program dwijazah UKM-UDE dalam bidang kejuruteraan elektrik.

**Program pertukaran**  
Antara program pertukaran yang sudah berjalan ialah penyajian kursus di UDE (dan sebaliknya di UKM) oleh ahli akademik. Lazimnya, ahli akademik UKM menyampaikan kuliah dalam bidang bukan teknikal dan teknikal. Sehingga tahun ini, seramai enam profesor UKM, khususnya dari Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina sudah menjadi Profesor Pelawat atau dalam bahasa Jerman, Gäst Professor di UDE. Saya adalah ahli akademik keenam menyumbang bakti kepada program ini dengan gelaran Gäst Professorin (untuk wanita) tajaan DAAD.

Kali pertama saya menjejak kaki di kota Duisburg pada Januari 2003. Jerman mengalami musim luruh yang mencengkam sejuknya. Salji turun dengan lebat, angin bertiup kencang, fenomena menambah getirnya suhu rendah. Istimewa pula pada masa itu, proses pengeluaran keluli mentah mencemar udara. Dekan Fakulti UDE masa itu memohon maaf atas keadaan cuaca yang kurang selesa tetapi saya menjawab selamba, "Oh



(FOTO HIASAN)

UDE mempunyai dua rakan universiti di Nusantara, iaitu UKM dan Universiti Indonesia.

tidak apa-apa, saya sudah biasa dengan iklim begini, selama 11 tahun di England".

Justeru apabila dipelawa Pengarah Institut Kejuruteraan Komunikasi, pengasas program usahasama ini, Prof Axel Hunger, saya memilih penggal musim luruh untuk memberi kuliah di UDE. Saya sangat suka pada musim luruh di England, sangat pilu dan menyentuh kalbu suasana sekitarnya, terutama di luar kota.

## Perkenalkan Islam

Sebelum sampai di UDE, kami berbincang kandungan kuliah, mengambil kira keperluan dan perancangan kedua-dua fakulti. Fakulti kejuruteraan mengiklan tiga kursus untuk saya, iaitu Islam and Engineering, Culture and Design dan Polymer Processing. Kursus Islam and Engineering (I&E) sangat unik dan kursus pertama diperkenalkan dalam rangka kursus bukan-teknikal. Penyajian I&E adalah hasrat kedua-dua belah pihak memperkenalkan Islam kepada masyarakat Eropah dan antarabangsa dengan terbuka dan menyeluruh, justeru menangani salah tanggapan, kekeliruan dan prasangka, yang mengundang konflik.

Pelajar yang mendaftar untuk I&E adalah peringkat pascasiswazah dari pelbagai negara dengan pelbagai fahaman. Namun mereka

sangat terbuka dan beradab. Dalam kursus saya, pelajar diberi pendedahan kepada tauhid, kepercayaan dalam Islam (Rukun Iman) serta institusi seperti syahadah, solat, zakat, puasa, haji, wakaf, keluarga, persekitaran dan governan, sebagai landasan kepada pemikiran saintifik mengikut Islam dalam kosmologi, evolusi, masa dan mula-hayat, antara lainnya.

Pada minggu awal, mereka sentiasa bertanya saya adakah saya dari Fakulti Ilahiyat ataupun Fakulti Kejuruteraan? Kursus kedua, Culture and Design (C&D) disajikan buat kali pertama. Prof Hunger sangat peka kepada pertembungan budaya dalam aktiviti utama seorang jurutera, iaitu reka bentuk atau reka itu sendiri. Istimewa pula, beliau sendiri menyajikan kursus Global Engineering yang memerlukan pengetahuan silang budaya tinggi bila beroperasi dalam kumpulan reka bentuk syarikat kejuruteraan serata dunia.

Memandangkan UDE mempunyai dua rakan universiti di Nusantara, UKM dan Universitas Indonesia, maka saya mengambil kesempatan menyajikan konsep reka Melayu yang memang sudah menjadi kajian saya di UKM. Saya fikir bahagian ini adalah nilai tambah kepada C&D kerana aspek perhubungan silang budaya, impak budaya setempat dan organisasi kepada reka bentuk dan pengeluaran

serta produktiviti, memang lazim menjadi perbincangan dalam kursus C&D di mana-mana.

## Tidak banyak beza

Maklum balas dan interaksi dalam kelas tidak banyak berbeza dengan pelajar Malaysia di UKM atau pelajar UDE di UKM. Mereka sangat santun, sabar mendengar kuliah dan menghormati guru. Selepas kuliah mereka mengetuk meja dengan buku lima berkali-kali mirip tepukan sebagai tanda menghargai. Lagi kuat ketukan menandakan keterujaan mereka dengan isi kuliah.

Cuma saya harus membiasakan diri dengan kelaziman di Jerman yang tidak mewajibkan kedatangan pelajar ke kuliah. Namun kuliah saya sentiasa penuh, selain berurusan dengan saya melalui e-mel dan pesanan WhatsApp. Saya juga memuatkan kuliah dan makluman lain ke laman sesawang fakulti.

Gaya saya memberi kuliah di UKM dan UDE serupa sahaja. Saya menggalak perbincangan dalam kelas. Saya risau akan sambutan pelajar kepada tugas kerana kedatangan yang tidak diwajibkan namun ternyata keterujaannya begitu memberangsangkan. Terlihat betapa mereka menghargai ilmu. Sesungguhnya pengalaman saya sebagai Gäst Professorin amat bernilai, membugar serta membahagikan.

## Komentari



**Dr Che Husna Azhari**  
Profesor Pelawat di University of Duisburg - Essen, Jerman